

PENDAHULUAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَكْرَمَ عِبَادَهُ بِنِعْمَةِ الْعِبَادَةِ وَفَضَّلَ رَمَضَانَ عَلَى سَائِرِ الشُّهُورِ بِالْكَرَامَةِ وَالْبَرَكَاتِ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي بَعَثَهُ اللَّهُ لِيُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا يَنْبَغِي عَلَيْهِمْ فَعَلُهُ فِي سَائِرِ الشُّهُورِ ثُمَّ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَأَصْحَابِهِ الْفَضْلَاءِ الَّذِينَ هُمْ شُمُسُ الْهُدَى لِلنَّاسِ فِي السُّلُوكِ سَبِيلَ الرَّشَادِ.

Segala puji bagi Allah taala Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga baginda dan para sahabat yang menjadi ikutan kepada mereka yang beriman.

Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh dengan kelebihan. Bulan ini ialah sebaik-sebaik bulan di sisi Allah taala. Di dalamnya tersimpan pelbagai rahsia yang hanya dapat dirasai oleh mereka yang bersungguh-sungguh dalam mencari keberkatan padanya.

Di dalam bulan ini, Allah taala fardukan ibadah puasa ke atas umat Islam. Firman Allah taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (البقرة: ١٨٣)

“Wahai orang-orang yang beriman! Difardukan ke atas kamu puasa sepertimana difardukan ke atas mereka yang sebelum kamu. Moga-moga kamu menjadi orang yang bertakwa.”

(Surah al-Baqarah: 183)

Ramadan merupakan sebuah madrasah untuk mendidik jiwa-jiwa orang yang beriman. Kefarduan puasa yang terdapat di dalamnya akan melatih jiwa individu muslim untuk menjadi lebih bersabar menghadapi ujian kehidupan dan merasa simpati terhadap kesusahan mereka yang lain.

Ditambah pula dengan kelebihan yang ada di dalamnya pasti dapat menggalakkan para hamba untuk lebih mendekatkan diri kepada-Nya.

Selain daripada buku yang membicarakan tentang hukum-hakam puasa, para ulama juga telah menulis pelbagai buku untuk menceritakan kelebihan yang ada pada bulan Ramadan. Buku yang paling saya minati yang membicarakan berkaitan dengan kelebihan bulan Ramadan ialah *Latoiful Maarif* yang dikarang oleh Ibnu Rajab al-Hanbali.

Sebenarnya, buku tersebut bukan sahaja menceritakan kelebihan bulan Ramadan tetapi ia juga menceritakan kelebihan yang ada bulan-bulan yang lain. Disamping itu, Ibnu Rajab juga memberikan panduan kepada pembaca tentang apa yang perlu dilakukan oleh orang beriman di dalam bulan-bulan tersebut.

Buku 'Ada Apa Dengan Ramadan' banyak mengambil maklumat daripada buku tersebut. Saya berharap buku ini dapat membawa pembaca menerokai rahsia dan kelebihan yang terdapat di dalam bulan Ramadan. Seterusnya, pembaca akan merasa lebih bersemangat dalam memperbanyakkan amalan ibadah di dalamnya.

Semoga apa yang ditulis ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca. Moga bulan Ramadan kita pada tahun ini dan seterusnya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin.

Penulis,

Khairul Faris bin Abdul Aziz

BAB 1

RAMADAN BERSUA KEMBALI

Mereka yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah pasti tidak sabar-sabar menunggu kedatangan bulan Ramadan, bulan yang penuh dengan keberkatan. Setahun bulan ini meninggalkan kita semua dan akhirnya kita bakal bersua kembali dengannya. Pasti pelbagai perancangan sudah diatur di benak fikiran kita bagi memastikan Ramadan tahun ini menjadi Ramadan yang bermakna buat kita.

Kita perlu sentiasa berdoa kepada Allah taala agar Allah mempertemukan kita dengan bulan Ramadan. Doa baginda Rasulullah ﷺ apabila tiba bulan Rejab:¹

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَيَلِّغْنَا رَمَضَانَ

“Ya Allah, berkatilah kami di bulan Rejab dan Syaaban dan sampaikanlah kami ke bulan Ramadan.”

Asal Perkataan Ramadan

Ramadan merupakan salah satu bulan daripada bulan-bulan Islam. Hadirnya selepas bulan Syaaban dan perginya diiringi dengan bulan Syawal. Pasti ada yang tertanya-tanya apakah maksud di sebalik perkataan Ramadan.

Ramadan diambil daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *Ramdha'* yang membawa maksud tersangat panas. Hal ini kerana pada waktu dahulu bulan Ramadan tiba bertepatan dengan musim panas. Disebabkan cuaca yang sangat panas, orang Arab pun menamakan bulan tersebut dengan nama Ramadan.

¹ *Mishkat al-Masabih*, Khatib at-Tabrizi, nombor hadis (1369).

Perkara ini pasti diakui oleh mana-mana pelajar yang pernah belajar di negara timur tengah. Bahang kepanasan di negara timur tengah pasti menguji kesabaran insani.

Saya sendiri akui perkara tersebut. Sepanjang tempoh saya belajar di Mesir, bulan Ramadan tiba pada musim panas. Lidah akan terasa teramat dahaga. Badan letih dan lesu. Lebih mencabar lagi apabila terpaksa menghadiri kelas-kelas pengajian dalam keadaan cuaca yang agak panas. Bulan ini bukan sahaja mendidik rohani insani bahkan menguji ketahanan diri seseorang.

Oleh itu, kita perlu mempersiapkan diri kita sebaik mungkin bagi menghadapi bulan ini. Fizikal dan mental perlu dilatih terlebih dahulu sebelum kita memasuki bulan Ramadan agar kita betul-betul bersedia apabila tiba waktunya. Persoalannya, apakah persediaan yang kita perlu lakukan?

Bulan Rejab dan Syaaban

Bagaimanakah cara kita memanfaatkan kedua-dua bulan ini? Sekiranya kita benar-benar memanfaatkan waktu pada bulan Rejab dan Syaaban pasti kita sudah bersedia untuk menghadapi cabaran di bulan Ramadan. Jadi sebelum kita bertanya apakah persediaan yang perlu dilakukan sebelum memasuki bulan Ramadan, kita perlu menjawab terlebih dahulu bagaimanakah cara kita memanfaatkan waktu di bulan Rejab dan Syaaban.

Abu Bakar al-Warraaq ada berkata:²

شَهْرُ رَجَبٍ شَهْرُ الزَّرْعِ وَشَهْرُ شَعْبَانَ شَهْرُ السَّقْيِ لِلزَّرْعِ وَشَهْرُ رَمَضَانَ شَهْرُ حَصَادِ الزَّرْعِ

“Bulan Rejab ialah bulan menanam, bulan Syaaban pula bulan untuk menyiram tanaman dan bulan Ramadan ialah bulan untuk menuai hasil tanaman.”

²Latoiful Maarif, susunan Ibnu Rajab al-Hanbali, halaman 234.

Oleh itu, bulan Rejab diibaratkan seolah-olah bulan untuk kita menanam amalan ketaatan kemudian pada bulan Syaaban pula waktunya untuk kita suburkan amalan tersebut sehingga akhirnya kita dapat merasai kemanisan beribadah di bulan Ramadan. Ini kerana kita tidak boleh memaksa diri kita untuk membuat sesuatu ibadah dengan bersungguh-sungguh tanpa membiasakan diri dengannya terlebih dahulu.

Hari ini kita melihat ramai orang Islam apabila tibanya bulan Ramadan, mereka kelihatan lesu dan tidak bermaya. Oleh kerana tidak terbiasa dengan amalan puasa sebelum Ramadan, mereka akan terasa amat letih pada awal Ramadan.

Jadi, kita hendaklah memperbanyakkan puasa di bulan Rejab dan Syaaban agar kita terbiasa dengannya. Bak kata pepatah Melayu, “Alah bisa, tegal biasa”. Pesan saya, paling kurang pastikan kita dapat berpuasa pada tiap-tiap Hari Isnin dan Hari Khamis di dalam kedua-dua bulan tersebut.

Pertengahan Syaaban

Walaupun kita dianjurkan untuk berpuasa pada bulan Syaaban, terdapat larangan daripada baginda Rasulullah ﷺ untuk tidak berpuasa apabila melepasi pertengahan Syaaban. Rasulullah ﷺ bersabda:³

إِذَا بَقِيَ نِصْفٌ مِنْ شَعْبَانَ فَلَا تَصُومُوا

“Apabila berbaki separuh daripada bulan Syaaban, janganlah kamu berpuasa”

Hadis ini jelas menunjukkan hukum haramnya berpuasa apabila memasuki pertengahan bulan Syaaban. Jadi hari ke-16 sehingga akhir Syaaban merupakan tempoh waktu haram buat kita berpuasa.

³ Sunan Tirmizi, nombor hadis (743).

Namun walaupun begitu seandainya kita berterusan berpuasa bermula pada hari yang ke-15 sehingga akhir Syaaban, perkara ini dibolehkan. Tetapi sekiranya kita berhenti puasa pada hari ke-18 contohnya, kita tidak lagi boleh berpuasa pada hari ke-19 dan seterusnya sehingga akhir bulan Syaaban.

Sebahagian ulama berpandangan haram hukumnya berpuasa apabila melepasi pertengahan Syaaban ialah kerana mahu mengelakkan seseorang itu berasa lemah untuk menghadapi bulan Ramadan. Mereka tidak dibolehkan untuk berpuasa supaya mereka bertenaga untuk menghadapi puasa sebulan penuh di bulan tersebut.

Terdapat satu malam di bulan Syaaban yang perlu diambil berat oleh umat Islam. Malam tersebut ialah malam Nisfu Syaaban. Malam ini dikatakan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:⁴

إِنَّ اللَّهَ لَيَطَّلِعُ إِلَى خَلْفِهِ فِي لَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرَ لَجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

“Sesungguhnya Allah taala memerhatikan makhluk-Nya pada malam Nisfu Syaaban lalu mengampunkan keseluruhan makhluk-Nya kecuali orang yang musyrik dan mereka yang bergaduh.”

Jadi, rebutlah peluang untuk menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan ibadah. Moga-moga kita tergolong daripada mereka yang diampunkan oleh Allah taala.

Ibarat Menunggu Kekasih

Setelah kita membuat persediaan yang secukupnya di dalam kedua bulan ini, sudah pasti kita akan berasa teruja menunggu-nunggu ketibaan Ramadan.

⁴ Sunan Ibnu Majah, nombor hadis (1453).

Analoginya seumpama seorang kekasih yang ingin menawan hati kekasihnya. Sudah pasti dia akan membuat persediaan yang secukupnya. Seterusnya dia akan menunggu-nunggu ketibaan kekasihnya dengan penuh keterujaan dan berharap kekasihnya tertarik dengan dirinya.

Begitulah halnya orang yang bertakwa, mereka sudah menyiapkan segala-galanya untuk bersua kembali dengan bulan Ramadan. Ini kerana mereka sedar betapa bermaknanya bulan ini kepada diri mereka. Setahun lamanya penantian, akhirnya dapat bersua kembali. Mereka pasti tidak akan mensia-siakan peluang tersebut.

BAB 2

DURIAN RUNTUH!

Semua manusia pasti menginginkan keuntungan yang melimpah-ruah dalam apa-apa pekerjaan yang mereka lakukan. Peniaga sanggup lakukan apa sahaja bagi memastikan untung jualan mereka melambung tinggi. Namun tahukah anda bahawa bulan Ramadan ini sebenarnya merupakan peluang terbesar bagi kita orang beriman untuk memperoleh pahala yang besar di sisi Allah.

Dalam sebuah Hadis Qudsi:⁵

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ الْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا إِلَّا الصِّيَامَ هُوَ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ يَتْرُكُ الطَّعَامَ لِشَهْوَتِهِ مِنْ أَجْلِي وَيَتْرُكُ الشَّرَابَ لِشَهْوَتِهِ مِنْ أَجْلِي هُوَ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ

“Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah ﷺ bersabda bahawa Allah berfirman: Tiap-tiap amalan anak Adam baginya sepuluh gandaan pahala hingga 700 gandaan kecuali puasa. Puasa itu untuk-Ku dan Akulah yang akan membalasnya. Seseorang itu meninggalkan makanan kesukaannya kerana-Ku dan meninggalkan minuman kesukaannya kerana-Ku. (Jadi), puasa itu untuk-Ku dan Aku yang membalasnya.”

Jika kita melihat kepada matan hadis ini, Allah menyebut secara jelas bahawa amalan selain puasa boleh digandakan sehingga 700 kali ganda. Berbeza pula dengan puasa kerana gandaan pahala bagi puasa tidak ada hadnya. Pahala puasa ‘unlimited’, gandaan yang tiada hadnya. Inilah durian runtuh yang saya maksudkan.

Kemudian pasti kita juga tertanya-tanya, adakah ganjaran amalan selain puasa di bulan Ramadan sama seperti di bulan yang lain atau tidak sama? Jawapannya ialah tidak sama. Ganjaran bagi amalan selain puasa di

⁵ Musnad Imam Ahmad, nombor hadis (689).

bulan ini digandakan oleh Allah taala. Ini boleh dilihat daripada sebuah hadis yang berbunyi:⁶

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الصَّوْمِ أَفْضَلُ بَعْدَ رَمَضَانَ فَقَالَ شَعْبَانُ لِتَعْظِيمِ رَمَضَانَ قِيلَ فَأَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ قَالَ صَدَقَةٌ فِي رَمَضَانَ

“Daripada Anas berkata bahawa baginda Rasulullah ditanya: Apakah puasa yang paling afdal selepas Ramadan? Nabi menjawab: Syaaban kerana keagungan Ramadan. Kemudian baginda disoal lagi: Apakah sedekah yang paling afdal? Jawab nabi: Sedekah di bulan Ramadan.”

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa sedekah yang paling baik ialah sedekah yang dilakukan di bulan Ramadan. Maksudnya, pahala bersedekah di bulan ini tidak sama dengan bulan-bulan yang lain. Oleh kerana inilah seorang alim bernama Abu Bakar bin Abi Maryam menyebut bahawa beliau pernah mendengar guru-gurunya menyebut:⁷

إِذَا حَضَرَ شَهْرُ رَمَضَانَ فَانْبَسِطُوا فِيهِ بِالنَّفَقَةِ فَإِنَّ النَّفَقَةَ فِيهِ مُضَاعَفَةٌ كَالنَّفَقَةِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَتَسْبِيحَةً فِيهِ أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ تَسْبِيحَةٍ فِي غَيْرِهِ

“Apabila tiba bulan Ramadan hendaklah kamu memperbanyakkan sedekah. Ini kerana sedekah di bulan Ramadan akan digandakan pahala seperti sedekah berjuang di jalan Allah. Satu ucapan tasbih di bulan Ramadan lebih baik daripada 1000 ucapan tasbih di bulan yang lain.”

Sebab Digandakan Pahala

Imam Ibnu Rajab al-Hanbali menyebut terdapat tiga kemuliaan yang menjadi sebab pahala kita digandakan oleh Allah taala. Pertama ialah disebabkan kemuliaan sesuatu tempat. Contohnya, apabila seseorang itu

⁶ Sunan Tirmizi, nombor hadis (665).

⁷ *Latoiful Maarif*, Ibnu Rajab al-Hanbali, halaman 285.

beribadah di Masjidil Haram Mekah, Masjid Nabawi atau Masjid Aqsa pahala akan dilipat gandakan oleh Allah. Ini bertepatan dengan sebuah hadis baginda Rasulullah ﷺ.⁸

صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ

“Solat di masjidku ini seribu kali ganda lebih baik daripada solat di tempat yang lain kecuali Masjidil Haram.”

Gandaan seribu kali ganda tersebut adalah kerana ibadah tersebut dilakukan di Masjid Nabawi. Ini jelas menunjukkan bahawa pahala akan berganda sekiranya dilakukan di tempat-tempat yang mulia seperti Mekah dan Madinah. Jadi seandainya kita mendapat peluang berpuasa Ramadan di sana, gunalah sebaik mungkin peluang tersebut untuk memperbanyakkan ibadah.

Kedua, kemuliaan waktu. Ya, terdapat keistimewaan tertentu yang Allah taala jadikan pada sebahagian waktu sehingga ia juga menjadi sebab bertambahnya pahala. Contoh yang paling jelas ialah bulan Ramadan. Kita sudah maklum bahawa amalan yang dilaksanakan di bulan Ramadan lebih banyak pahalanya jika dibandingkan dengan bulan yang lain. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana kemuliaan waktu Ramadan.

Ketiga disebabkan kemuliaan pelakunya. Kita umat Muhammad ﷺ diberikan dua kali ganda pahala amalan yang dilakukan oleh umat terdahulu. Ini kerana kita merupakan pengikut kepada baginda Rasulullah ﷺ yang merupakan penghulu segala nabi. Mulianya umat ini kerana mulianya baginda Rasulullah sehingga ganjaran pahala bagi umat baginda pun digandakan oleh Allah. Jadi kita perlu sentiasa bersyukur kerana tergolong daripada umat baginda Rasulullah ﷺ.

⁸ Sahih Bukhari, nombor hadis (1199).

BAB 3

KUASAI TIGA KESABARAN

Kita sering kali dinasihatkan supaya bersabar menghadapi segala dugaan yang menimpa diri kita. Namun, tahukah kita bahawa sebenarnya kesabaran itu terbahagi kepada tiga kategori. Pertama, sabar dalam ketaatan. Kedua, sabar dalam menahan diri daripada berbuat maksiat dan ketiga pula ialah sabar menghadapi musibah.

Bagaimanakah sabar di dalam ketaatan? Adakah perlu kita sabar sewaktu melakukan ibadah? Ya, kita perlu sabar sebelum melakukan ketaatan, semasa melakukan ketaatan dan selepas melakukan ketaatan. Tanpa adanya sabar sebelum melakukan ketaatan pasti kita tidak akan dapat memaksa diri kita untuk melakukan apa-apa amalan ibadah.

Sabar sewaktu melakukan ketaatan pula ialah dengan mengawal diri kita daripada merasa ujub dengan apa yang kita lakukan. Kita juga perlu menahan diri kita daripada larut dengan sifat riak. Seandainya kita tidak sabar, pasti kita berasa bangga dengan amalan kita dan juga cuba untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain sewaktu menghadap Allah taala.

Setelah selesai beribadah, kita juga perlu menahan diri kita daripada menceritakannya kepada orang yang lain dengan tujuan riak dan *sum'ah*. Cukuplah ibadah kita hanya antara kita dengan Allah. Ini kerana hanya Allah yang membalas segala apa yang kita lakukan bukan manusia. Allah taala berfirman:

قُلْ يَا عِبَادِ الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا رَبَّكُمْ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَأَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةٌ إِنَّمَا يُوَفَّى
الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ (الزمر: ١٠)

“Katakanlah (wahai Muhammad, akan firmanku ini, kepada orang-orang yang berakal sempurna): Wahai hamba-hambaku yang beriman! Bertakwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat) dan

*(ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas).
Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan
disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.”*

(Surah az-Zumar: 10)

Dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah taala sendiri yang akan memberikan ganjaran kepada mereka yang bersabar. Jadi usahlah kita menyekutukan Allah dengan makhluk yang lain di dalam ibadah kita kerana mereka tidak dapat memberi sedikitpun manfaat kepada kita.

Kategori yang kedua pula ialah sabar menahan diri daripada melakukan maksiat. Disini kita boleh melihat betapa besarnya peranan sebuah kesabaran. Beza mereka yang bertakwa dan pelaku maksiat ialah kesabaran. Pelaku maksiat melakukan maksiat kerana mereka tidak mampu untuk sabar daripada terlibat dengannya. Ketidaksabaran mereka inilah akhirnya menempah akibat yang buruk di akhirat kelak.

Begitu juga, musibah perlukan kesabaran. Musibah yang menimpa tanpa disertakan dengan kesabaran boleh membuatkan seseorang itu hilang pertimbangan. Ujian kemiskinan, kehilangan orang yang tersayang dan sebagainya sememangnya menguji keimanan seseorang. Tanpa sabar, pasti manusia hilang arah.

Ramadan Bulan Kuasai Tiga Kesabaran

Ketiga-tiga kategori kesabaran yang saya sebutkan di atas sebenarnya dapat dilatih di dalam bulan Ramadan. Bulan Ramadan seumpama madrasah bagi umat Islam untuk mempertingkatkan kesabaran mereka. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:⁹

وَالصَّوْمُ نِصْفُ الصَّبْرِ وَالطُّهُورُ نِصْفُ الْإِيمَانِ

⁹ Sunan Tirmizi, nombor hadis (3861).

“Puasa itu separuh kesabaran dan kebersihan itu separuh keimanan.”

Pembaca pasti masih bertanya-tanya bagaimanakah puasa melatih seorang mukmin untuk sabar? Jika kita memperhatikan amalan puasa itu sendiri pasti kita akan mengetahui jawapan bagi persoalan tersebut. Ini kerana di dalam ibadah puasa, kita perlu memaksa diri kita untuk tetap bersabar dalam melakukan ketaatan. Kita perlu menahan diri daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa. Selain itu, kita perlu mengelakkan diri kita daripada melakukan maksiat yang boleh membatalkan pahala ibadah puasa.

Tambahan pula, lemah tubuh badan, dahaga dan lapar sudah pasti menjadi ujian dan cabaran ke atas muslim. Maka apabila kita berpuasa, secara tidak langsung kita membiasakan diri kita untuk menghadapi ujian tersebut. Usai tamatnya Ramadan, kita pasti menjadi insan yang berbeza daripada sebelumnya. Sabar telah menjadi sifat yang sehati dengan diri kita.

BAB 4

RAHSIA SABDA BAGINDA

Rasulullah ﷺ bersabda di dalam sebuah Hadis Qudsi:¹⁰

قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزَى بِهِ وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ فَإِذَا كَانَ يَوْمٌ صَوْمٍ أَحَدِكُمْ فَلَا يَزُفْتُ يَوْمَئِذٍ وَلَا يَسْحَبُ فَإِنْ سَابَّهُ أَحَدٌ أَوْ قَاتَلَهُ فَلْيُقِلْ إِيَّيَ امْرُؤُ صَائِمٍ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَخُلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ وَلِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ بِفِطْرِهِ وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ

“Allah taala berfirman: Tiap amalan-amalan anak Adam itu bagi dirinya kecuali puasa kerana puasa itu untuk-Ku dan Akulah yang akan membalasnya. Sekiranya salah seorang daripada kamu berpuasa maka janganlah mengucap perkataan keji dan menghina. Jika ada orang mengherdiknya atau mahu bergaduh katakanlah: Aku berpuasa. Demi jiwa Muhammad di bawah kekuasaan-Nya, bauan mulut orang berpuasa itu lebih harum di sisi Allah pada Hari Kiamat daripada bauan kasturi. Bagi orang puasa itu ada dua kegembiraan. Kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika bertemu Tuhan dengan amalan puasanya.”

Pada bab sebelum ini, kita telah menyebut sebahagian maksud hadis ini. Kita telah mengetahui sebelum ini bahawa amalan ibadah selain puasa Allah taala akan gandakan pahalanya bermula daripada 10 kali gandaan sehingga 700 kali gandaan. Berbeza dengan puasa kerana amalan puasa akan digandakan pahalanya tanpa mempunyai had tertentu. Ianya terpulang kepada penentuan Allah taala.

¹⁰ Sahih Muslim, nombor hadis (2762).

Puasa itu Untuk-Ku

Jika kita perhatikan Hadis Qudsi di atas, Allah taala menyebut: “Puasa itu untuk-Ku”. Inilah yang membezakan puasa dengan ibadah yang lain sehingga ganjaran amalan puasa digandakan tanpa ada had. Kenapakah Allah taala menyebut: “Puasa itu untuk-Ku”, sedangkan amalan lain pun dilakukan semata-mata kerana Allah?

Jawapan yang pertama ialah amalan berpuasa ini perlu dilakukan dengan meninggalkan segala keinginan nafsu semata-mata untuk Allah taala. Jika kita membandingkan dengan amalan lain seperti haji dan umrah. Benar, kita tidak dibenarkan membuat hubungan kelamin dengan isteri sewaktu di dalam ihram tetapi kita masih dibenarkan makan dan minum. Berbeza dengan puasa kerana kedua-dua keinginan nafsu tersebut tidak dibenarkan padanya.

Bagaimana pula dengan solat? Bukankah ketika solat kita juga tidak dibenarkan makan dan minum lebih-lebih lagi melampiaskan keinginan nafsu syahwat? Ya, solat tidak dibenarkan makan minum dan membuat hubungan kelamin namun waktunya tidak lama manakala larangan perkara tersebut ketika berpuasa adalah sepanjang hari.

Kedua, puasa merupakan rahsia seorang hamba dengan Tuhannya. Manusia lain tidak tahu sama ada kita berpuasa atau tidak. Seandainya kita curi-curi makan dan minum sekalipun tidak ada orang yang tahu. Hanya kita dan Tuhan. Oleh kerana inilah, ada sebahagian ulama berpandangan amalan puasa tidak boleh dimasuki penyakit riyak.

Kesimpulannya, puasa seorang hamba itu dikatakan hanya untuk Allah ialah kerana puasa adalah satu-satunya amalan ibadah yang menuntut seorang hamba meninggalkan semua keinginan nafsunya dalam waktu yang lama dan kerana amalan puasa ini juga merupakan rahsia seorang hamba dengan Tuhannya.

Bauan Wangi Daripada Kasturi

Di dalam hadis di atas juga menyebut bahawa bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi daripada wangian kasturi. Apakah maksud yang sebenar daripada hadis di atas?

Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama dalam menentukan maksud yang tersirat di dalam hadis di atas. Ada yang berpandangan bahawa bau mulut orang yang berpuasa tidak menyenangkan orang sekeliling. Ini kerana apabila perut kosong daripada makanan disebabkan puasa, mulut akan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.

Walaupun bau tersebut tidak disukai oleh manusia, ia tetap dianggap mulia disisi Allah kerana bau tersebut merupakan kesan daripada ibadah puasa. Ianya boleh diumpamakan seperti darah orang yang mati syahid dalam peperangan. Walaupun darah dianggap sesuatu yang jijik disisi manusia namun disebabkan darah tersebut kesan daripada ibadah berperang di jalan Allah maka ia mempunyai kedudukan yang besar di sisi Allah.

Ada juga yang berpandangan maksudnya ialah pahala orang yang berpuasa lebih banyak daripada pahala orang yang memakai kasturi bagi menghadiri solat jumaat dan dua hari raya. Bau kasturi disunatkan untuk dipakai ketika menghadiri solat tersebut namun pahalanya tidak mampu menandingi pahala orang yang berpuasa.

Dua Kegembiraan

Selain daripada perkara tersebut, orang yang berpuasa juga dijanjikan oleh Allah dua kegembiraan. Kegembiraan pertama ialah sewaktu dia berbuka puasa dan kegembiraan yang kedua pula ialah sewaktu dia bertemu dengan Allah di akhirat kelak dengan amalan puasanya.

Jiwa manusia cenderung kepada keinginan hawa nafsunya. Apabila disekat kemahuan tersebut, kemudian diberikan peluang untuk menikmatinya selepas tempoh tertentu pasti tidak ternilai nikmatnya. Sehari-hari seseorang itu berpuasa menahan lapar dan dahaga, sudah pasti apabila tiba waktu berbuka dia merasa sangat gembira.

Kita dituntut untuk bersyukur dan memuji Allah taala apabila dapat menjamu selera lebih-lebih lagi sewaktu berbuka. Sabda Rasulullah ﷺ.¹¹

إِنَّ اللَّهَ لَيَرْضَى عَنِ الْعَبْدِ أَنْ يَأْكُلَ الْأَكْلَةَ فَيَحْمَدَهُ عَلَيْهَا أَوْ يَشْرَبَ الشَّرْبَةَ فَيَحْمَدَهُ عَلَيْهَا

“Sesungguhnya Allah reda terhadap seorang hamba yang memuji Allah apabila makan dan memuji Allah ketika minum.”

Digalakkan juga untuk memperbanyakkan berdoa sebelum berbuka. Berdoalah apa-apapun yang kita inginkan kerana waktu tersebut merupakan waktu dimakbulkan doa. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:¹²

إِنَّ لِلصَّائِمِ عِنْدَ فِطْرِهِ لَدَعْوَةً مَا تُرَدُّ

“Sesungguhnya ada doa yang tidak akan ditolak bagi orang yang berpuasa ketika berbuka.”

Sekiranya seseorang itu berniat dengan makan dan minumannya untuk menguatkan tubuh badan bagi tujuan solat malam dan puasa keesokan harinya nescaya Allah taala akan memberikan kepadanya pahala. Sama juga keadaannya orang yang tidur dengan niat untuk mendapatkan tenaga bagi tujuan ibadah. Semuanya diganjari hanya kerana niat.

Apakah pula maksudnya kegembiraan sewaktu bertemu Tuhannya? Maksudnya ialah orang yang berpuasa akan bergembira dengan ganjaran amalan puasannya apabila berada di akhirat kelak. Hari Akhirat merupakan

¹¹ Sahih Muslim, nombor hadis (7108).

¹² Sunan Ibnu Majah, nombor hadis (1825).

pembalasan segala perbuatan manusia di dunia ini. Sudah pasti pada waktu tersebut kita sangat berharap dan berhajat bahawa amalan kita dapat menyelamatkan kita daripada api neraka Allah taala. Cuba bayangkan dalam waktu yang getir tersebut, pahala amalan puasa kita yang memberatkan timbangan amalan kebaikan kita sehingga kita tergolong daripada ahli syurga. Betapa gembiranya saat tersebut.

Nabi Isa bin Maryam berkata:¹³

إِنَّ هَذَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خَزَائِنَانِ فَاَنْظُرُوا مَا تَصْعُونَ فِيهِمَا فَالْأَيَّامُ خَزَائِنٌ لِلنَّاسِ مُمْتَلِئَةٌ بِمَا خَزَنُوا فِيهَا مِنْ خَيْرٍ وَشَرٍّ وَفِي يَوْمِ الْقِيَامَةِ تُفْتَحُ هَذِهِ الْخَزَائِنُ لِأَهْلِهَا فَالْمُتَّقُونَ يَجِدُونَ فِي خَزَائِنِهِمُ الْعِزَّ وَالْكَرَامَةَ وَالْمُذْنِبُونَ يَجِدُونَ فِي خَزَائِنِهِمُ الْحَسْرَةَ وَالنَّدَامَةَ

“Sesungguhnya malam dan siang merupakan dua tempat simpanan harta maka lihatlah apa yang kamu simpan di dalam keduanya. Hari-hari merupakan peti simpanan bagi amalan baik dan buruk manusia. Pada Hari Kiamat kelak akan dibuka peti ini kepada empunyaanya. Orang bertakwa akan mendapati di dalam peti simpanannya kemuliaan manakala orang yang membuat dosa akan mendapati di dalam peti simpanannya penyesalan.”

Yakinlah bahawa segala penat lelah kita melakukan ketaatan kepada Allah di dunia ini pasti akan dibalas oleh Allah taala. Balasan Allah melebihi daripada apapun perkara yang kita boleh bayangkan. Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:¹⁴

إِنَّكَ لَنْ تَدَعَ شَيْئًا اتَّقَاءَ اللَّهِ جَلَّ وَعَزَّ إِلَّا أَعْطَاكَ اللَّهُ خَيْرًا مِنْهُ

“Sesungguhnya perkara yang kamu tinggalkan kerana Allah pasti akan dibalas kembali oleh Allah dengan perkara yang lebih baik daripada itu.”

Allah juga ada berfirman:

¹³ *Latoiful Maarif*, Ibnu Rejab al-Hanbali, halaman 295.

¹⁴ Musnad Ahmad, nombor hadis (21070).

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحْضَرًا... (آل عمران: ٣٠)

“Pada hari tersebut tiap-tiap jiwa akan mendapati apa yang dia telah lakukan daripada kebaikan akan hadir bersama.”

(Surah Ali Imran: 30)

Jadi gunalah peluang kehidupan kita di dunia ini sebaik mungkin. Penuhilah masa yang ada dengan ibadah kepada Allah. Segala pekerjaan duniawi niatkanlah untuk tujuan ukhrawi, kita pasti akan mendapat ganjarannya di akhirat kelak.

BAB 5

SEDEKAH PALING UNTUNG

Terdapat pelbagai cara bagi seorang muslim untuk berbuat kebaikan. Ada di antara mereka mengutamakan solat. Ada juga yang menjadikan puasa sebagai rutin untuk memperoleh pahala. Sedekah juga merupakan satu cabang kebaikan namun kita tidak boleh melakukan salah satu daripada amalan tersebut dengan meninggalkan amalan yang lain.

Tidak salah kita cenderung untuk memperbanyakkan satu cabang kebaikan namun menjadi satu kesilapan apabila kita mengabaikan terus amalan yang lain lebih-lebih lagi amalan yang bersifat fardu. Jangan kita membuat alasan untuk tidak menutup aurat dengan mengatakan kita sudah banyak bersedekah. Ini kerana walaupun sedekah kita menggunung tinggi, ia tetap tidak dapat menggugurkan kefarduan menutup aurat.

Di akhir-akhir ini, nama 'Ebit Lew' sering menjadi perhatian. Beliau terkenal dengan sifatnya yang pemurah. Apabila mendengar ada insan yang memerlukan bantuan, pasti beliau akan tiba untuk membantu. Tidak kira agama dan bangsa semuanya disantuni beliau bahkan haiwan pun turut sama mendapat ihsan. Jadi tidak pelik seandainya rakyat Malaysia menganggap beliau seumpama malaikat berupa manusia.

Namun tahukah anda bahawa sebenarnya baginda Rasulullah ﷺ merupakan manusia yang paling pemurah? Apabila diminta sesuatu pasti baginda akan menunaikan permintaan tersebut. Ini kerana baginda yakin harta dunia tidak kekal. Harta merupakan satu amanah, ia hanyalah salah satu cara untuk mendapatkan keuntungan di Hari Akhirat kelak. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir berbunyi:¹⁵

مَا سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا قَطُّ فَقَالَ لَا

¹⁵ Sahih Muslim, nombor hadis (6158).

“Tidak pernah baginda Rasulullah ﷺ menjawab tidak apabila diminta sesuatu.”

Kemurahan hati baginda inilah yang menyebabkan sesetengah manusia pada zaman baginda memeluk Islam. Contohnya, Safwan bin Umayyah. Beliau turut serta bersama barisan muslimin dalam peperangan Hunain melawan golongan musyrikin Arab. Apabila tentera musyrikin dapat dikalahkan oleh umat Islam, Rasulullah ﷺ pun membahagi-bahagikan harta rampasan peperangan. Ketika itu Safwan terpaku melihat sekumpulan kawanan kambing yang sangat banyak hasil daripada harta rampasan perang Hunain. Melihat keadaan Safwan yang kelihatan teruja dengan kawanan kambing tersebut, baginda terus memberikannya kepada Safwan. Disebabkan kagum dengan kemurahan hati baginda Rasulullah, terus Safwan memeluk Islam dan berkata:¹⁶

لَقَدْ أَعْطَانِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا أَعْطَانِي وَإِنَّهُ لَمِنْ أْبْعَضِ النَّاسِ إِلَيَّ فَمَا بَرِحَ يُعْطِينِي حَتَّى إِنَّهُ لَأَحَبُّ النَّاسِ إِلَيَّ

“Rasulullah ﷺ telah memberikan banyak harta kepadaku. Baginda dahulunya orang yang paling dibenci olehku namun baginda terus-menerus memberikan kepadaku harta sehingga baginda menjadi orang yang paling aku cintai.”

Inilah hikmah cara baginda Rasulullah ﷺ berdakwah. Baginda dapat melihat kecenderungan manusia yang lain dan cuba untuk menarik mereka kepada Islam berdasarkan kecenderungan tersebut. Bukan Safwan bin Umayyah sahaja yang didakwah oleh baginda dengan cara sebegini. Ramai lagi yang pada mulanya terpicat dengan Islam melalui sifat pemurah baginda. Imam Muslim ada meriwayatkan sebuah hadis berbunyi:¹⁷

¹⁶ *Latoiful Maarif*, Ibnu Rejab al-Hanbali, halaman 307.

¹⁷ Sahih Muslim, nombor hadis (6160).

مَا سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْإِسْلَامِ شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ قَالَ فَجَاءَهُ رَجُلٌ فَأَعْطَاهُ عَنْمَا
بَيْنَ جَبَلَيْنِ فَرَجَعَ إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ يَا قَوْمِ أَسْلِمُوا فَإِنَّ مُحَمَّدًا يُعْطِي عَطَاءً لَا يَحْشَى الْفَاقَةَ

“Tidak pernah baginda Rasulullah diminta sesuatu atas nama Islam lalu baginda menolaknya. Pernah seorang lelaki datang bertemu baginda lalu baginda memberikan kawanan kambing yang berada di antara dua gunung. Lalu lelaki tersebut pun pulang bertemu kaumnya dan berkata: Wahai kaumku! Peluklah Islam kerana Muhammad berikan sesuatu tanpa takutkan kefakiran.”

Bulan Ramadan Bulan Sedekah

Selain daripada berpuasa, kita dianjurkan untuk memperbanyakkan bersedekah pada bulan Ramadan. Seperti yang telah kita sedia maklum bahawa baginda Rasulullah ﷺ seorang yang pemurah. Namun apabila tiba bulan Ramadan, baginda menjadi lebih pemurah. Baginda akan memperbanyakkan sedekah sehingga Ibnu Abbas memberi perumpamaan bahawa kemurahan jiwa baginda melebihi kencangnya angin yang bertiup. Dalam sebuah hadis menyebut:¹⁸

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي
رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

“Daripada Ibnu Abbas berkata, Rasulullah ﷺ ialah manusia yang paling pemurah. Sifat kemurahan Rasulullah paling menonjol sewaktu Ramadan ketika bertemu dengan Jibril. Nabi bertemu dengan Jibril pada tiap-tiap malam Ramadan dan bertadarus al-Quran bersamanya. Sesungguhnya Rasulullah sangat menonjol dengan sifat kemurahan melebihi angin yang bertiup kencang.”

¹⁸ Sahih Bukhari, nombor hadis (6).

Rebutlah peluang bersedekah sebanyak mungkin di bulan puasa kerana pahalanya berganda. Pasti ramai yang tertanya-tanya, kenapakah Allah gandakan pahala bersedekah pada bulan Ramadan? Jawapannya seperti berikut:

1. Kemuliaan Waktu

Seperti yang sudah diterangkan sebelum ini bahawa kemuliaan waktu juga menjadi faktor penyebab Allah menggandakan pahala amalan seseorang. Ibadah di bulan Ramadan tidak sama dengan bulan yang lain. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana kemuliaan waktu bulan Ramadan. Jadi amalan bersedekah juga digandakan pahalanya di bulan ini.

2. Membantu dan Menolong Orang Berpuasa dalam Membuat Kebaikan.

Membantu mereka yang memerlukan sudah pasti akan diberi ganjaran yang setimpal oleh Allah. Para sahabat pada zaman baginda membantu sahabat yang lain dalam menyediakan kelengkapan jihad. Mereka berlumba-lumba untuk turut serta dalam menyumbangkan dana bagi memastikan tentera umat Islam mempunyai kelengkapan bagi menentang musuh. Di bulan puasa, digandakan pahala sedekah untuk menggalakkan orang lain membantu saudaranya. Orang yang menyediakan juadah berbuka akan mendapat pahala seumpama orang yang berpuasa.

Baginda ﷺ bersabda:¹⁹

مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا

“Sesiapa yang membantu orang berpuasa untuk berbuka, maka dia akan mendapat pahala seumpama orang yang berpuasa tersebut tanpa dikurangi sedikitpun daripada pahalanya.”

¹⁹ Sunan Tirmizi, nombor hadis (812).

3. Bulan Ramadan Merupakan Bulan Kemurahan Allah

Ramadan ialah bulan Allah melimpahkan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya lebih-lebih lagi hamba-Nya yang bersifat belas kasihan kepada mereka yang lain. Buktinya hadis baginda Rasulullah ﷺ: ²⁰

وَإِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الرَّحَمَاءَ

“Allah taala merahmati hamba-Nya yang bersifat belas kasihan.”

4. Menampung Kekurangan pada Puasa

Sudah pasti amalan kita tidak terlepas daripada cacat dan cela. Kadang-kadang puasa kita menjadi tidak sempurna disebabkan maksiat yang kita lakukan. Oleh itu, bagi menampung kekurangan yang berlaku di dalam ibadah puasa maka kita dianjurkan untuk bersedekah. Kebaikan sedekah boleh menghapuskan kekurangan yang berlaku di dalam amalan puasa. Disebabkan inilah kita diwajibkan membayar zakat pada akhir Ramadan. Zakat yang kita tunaikan tersebut dapat menyucikan pahala puasa Ramadan.

Kesimpulannya, perbanyakkanlah bersedekah di bulan yang mulia ini. Kebiasaannya orang Arab berlumba-lumba untuk bersedekah di bulan Ramadan. Sesiapa yang pernah berpuasa di Mesir contohnya, pasti mereka semua alami perkara tersebut. Kita boleh melihat juadah berbuka disediakan di mana-mana tempat. Orang Arab Mesir berlumba-lumba untuk menaja juadah berbuka bagi orang yang berpuasa, alangkah baiknya adat sebegini juga subur di Malaysia.

Sama-sama kita hayati pesanan Imam Syafie:²¹

أُجِبُّ لِلرَّجُلِ الزِّيَادَةَ بِالْجُودِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ أَقْتِدَاءً بِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَلِحَاجَةِ النَّاسِ فِيهِ إِلَى مَصَالِحِهِمْ وَلِتَشَاغُلَ كَثِيرٌ مِنْهُمْ بِالصَّوْمِ وَالصَّلَاةِ عَنِ مَكَاسِبِهِمْ

²⁰ Sahih Bukhari, nombor hadis (1296).

²¹ *Latoiful Maarif*, Ibnu Rejab al-Hanbali, halaman 315.

“Aku amat sukai seorang pemuda mengikut junjungan besar Rasulullah ﷺ dengan memperbanyakkan sedekah di bulan Ramadan. Sedekah dapat menunaikan keperluan manusia di dalam bulan Ramadan kerana kebanyakan waktu mereka digunakan untuk solat dan puasa sehingga tidak sempat menumpukan perhatian dalam urusan mencari rezeki.”

BAB 6

JOM BACA AL-QURAN

Al-Quran merupakan panduan bagi umat Islam. Panduan untuk membina jati diri individu muslim ada di dalam al-Quran. Panduan untuk rumah tangga yang bahagia juga ada di dalam al-Quran. Pendek kata al-Quran dapat membimbing kita dalam segenap aspek kehidupan.

Namun ada persoalan yang perlu kita jawab bersama. Bilakah kali terakhir kita membuka al-Quran? Bagaimana pula dengan cara bacaan kita, adakah terdapat peningkatan atau masih di takuk yang sama? Sejauh manakah pula hubungan kita dengan al-Quran? Tepuk dada tanya iman. Hanya kita yang mampu memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan tersebut.

Kita sebagai seorang muslim perlu sentiasa bermuhasabah tentang rutin bacaan al-Quran. Kadang-kadang kita leka dengan dunia sehingga mengabaikan al-Quran. Kesibukan tersebut semakin lama semakin menyebabkan hati kita lupa negeri akhirat walhal dunia ini hanyalah sementara akhirat jua kekal abadi. Kita merasa hati kita tidak tenang. Ada yang kurang tetapi tidak tahu dimanakah puncanya. Kita tidak tahu penawar apakah yang boleh mengubati hati yang resah gelisah.

Sebenarnya ketenangan hati dapat dikecapi dengan pembacaan al-Quran. Begitu juga penawar bagi hati yang resah hanya dapat dirawat dengan al-Quran. Firman Allah taala:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ (يونس: ٥٧)

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran daripada Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan

juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.”

(Surah Yunus: 57)

Cuba kita lihat di dalam ayat di atas, al-Quran bukan sahaja sebagai penawar bagi jiwa bahkan ia juga hidayah dan pembawa rahmat bagi orang yang beriman. Nikmat ini pasti diakui oleh orang yang sentiasa melazimi al-Quran. Jadi, bacalah al-Quran!

Bulan Puasa Bulan al-Quran

Jadikanlah bulan puasa tahun ini sebagai peluang untuk kita membaca al-Quran sebanyak mungkin. Tahukah kita bahawa bulan Ramadan merupakan bulan turunnya al-Quran. Allah taala berfirman:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ... (البقرة: ١٨٥)

“Bulan Ramadan yang diturunkan padanya al-Quran sebagai hidayah kepada manusia.”

(Surah al-Baqarah: 185)

Bagi pengetahuan pembaca, al-Quran diturunkan sekaligus dari Luh Mahfuz ke langit dunia iaitu Baitul Izzah pada malam Lailatul Qadar. Kemudiannya ianya diturunkan secara beransur-ansur kepada baginda Rasulullah ﷺ sehingga baginda meninggal dunia. Buktinya firman Allah taala:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ (القدر: ١)

“Sesungguhnya kami turunkan al-Quran pada malam Lailatul Qadar.”

(Surah al-Qadr: 1)

Baginda Rasulullah ﷺ didatangi oleh Malaikat Jibril di bulan Ramadan tiap-tiap tahun bagi memperdengarkan bacaan Al-Quran baginda kepadanya. Baginda akan menghabiskan bacaan al-Quran dengan Jibril satu kali khatam pada tiap-tiap Ramadan. Namun pada tahun kewafatan Rasulullah, baginda mengkhataamkan bacaan al-Quran sebanyak dua kali.

Hal ini menunjukkan kelebihan membaca al-Quran di bulan Ramadan. Kita hendaklah meletakkan matlamat tertentu yang perlu dicapai. Contohnya, kita berazam untuk menamatkan satu kali bacaan keseluruhan al-Quran pada bulan Ramadan. Caranya terpulang kepada kesesuaian kita. Antara cara terbaik untuk habiskan al-Quran bertepatan dengan tempoh yang diinginkan ialah dengan memisahkan bilangan mukasurat bacaan mengikut waktu solat.

Misalnya, jika kita ingin mengkhataamkan al-Quran sebanyak satu kali di bulan Ramadan, pastikan selepas tiap solat fardu kita dapat habiskan sebanyak 4 mukasurat. Ini kerana satu juzuk mempunyai 20 halaman, jadi apabila kita mampu untuk habiskan empat mukasurat untuk satu solat fardu maka apabila selesai 5 solat fardu kita sudah berjaya menghabiskan satu juzuk sehari. Empat mukasurat tidak mengambil waktu yang lama, anda hanya perlu luangkan masa sebanyak 10 hingga 15 minit sahaja selepas solat.

Sekiranya kita meletakkan matlamat untuk menghabiskan bacaan sebanyak 2 kali di bulan ini, kita perlu membaca al-Quran pada tiap-tiap solat fardu sebanyak 8 mukasurat. Kita juga boleh membaca 4 mukasurat sebelum solat dan 4 mukasurat lagi selepas solat. Percayalah kita tidak akan rasa terbeban. Semuanya bergantung kepada keinginan dan kesungguhan kita.

Penyusunan di atas hanya sekadar untuk memudahkan kita menghabiskan bacaan al-Quran. Namun jika ada yang bertanya waktu manakah yang paling baik untuk membaca al-Quran. Jawapannya tidak lain dan tidak bukan ialah pada waktu malam. Malam ialah waktu kita tidak dibebankan dengan kesibukan waktu siang. Keheningan malam pasti dapat

membantu kita untuk lebih menumpukan perhatian terhadap bacaan kita. Hati kita akan lebih khusyuk sewaktu mentadabbur ayat al-Quran. Lebih-lebih lagi pada waktu awal pagi sebelum fajar. Jadikanlah solat malam itu sebagai tempat untuk kita mengulang kembali hafazan kita. Saya jamin bacaan itu akan lebih memberi bekas pada jiwa.

Firman Allah taala:

إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْئًا وَأَقْوَمُ قِيلاً (المزمل: ٦)

“Sesungguhnya malam itu lebih memberi kesan pada jiwa dan pada bacaan.”

(Surah al-Muzammil: 6)

Bagaimanakah Mereka dengan al-Quran?

Para ulama sangat mengambil berat tentang al-Quran khususnya apabila tiba bulan Ramadan. Ada dalam kalangan mereka akan menghentikan kelas pengajian mereka di bulan Ramadan semata-mata mahu menumpukan sepenuh perhatian terhadap al-Quran. Berkata Ibnu Abdul Hakam²²:

كَانَ مَالِكٌ إِذَا دَخَلَ رَمَضَانَ نَفَرَ مِنْ قِرَاءَةِ الْحَدِيثِ وَمُجَالَسَةِ أَهْلِ الْعِلْمِ وَأَقْبَلَ عَلَى تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ مِنَ الْمُصْحَفِ

“Apabila tiba Ramadan, Imam Malik akan menghentikan pembacaan hadis dan mengasingkan diri daripada penuntut ilmu. Beliau akan menumpukan perhatian terhadap pembacaan al-Quran dengan melihat kepada mushaf.”

Begitu juga Imam Sufyan at-Tsauri. Beliau akan memberhentikan kelas pengajiannya buat sementara dan menumpukan perhatian membaca

²² *Latoiful Maarif*, Ibnu Rejab al-Hanbali, halaman 318.

al-Quran. Imam Syafie pula sempat mengkhataamkan 60 kali bacaan al-Quran sewaktu bulan Ramadan.

Kita pasti merasa hairan bagaimana Imam Syafie dapat menghabiskan al-Quran sebanyak 60 kali di bulan Ramadan. Sebenarnya perkara tersebut bukanlah suatu yang pelik. Ini kerana insan pilihan Allah tidak akan menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang melalaikan. Waktu mereka semuanya dihabiskan dengan perkara ketaatan. Sudah pasti keberkatan waktu mereka lebih terjaga.

Syafaat di Akhirat buat Pembaca

Tahukah kita antara amalan yang dapat memberi syafaat di akhirat kelak ialah berpuasa dan membaca al-Quran. Ya, benar. Kedua-duanya dapat memberikan syafaat di akhirat kelak. Pada waktu tersebut kita benar-benar berhajat kepada seseorang untuk menjadi syafaat agar terlepas dari bahang api neraka. Mujahadah kita dengan berlapar perut di siang hari Ramadan dan juga menahan diri daripada tidur kerana mahu membaca al-Quran pasti akan menjadi penolong kita di akhirat sana. Buktinya sabda Rasulullah ﷺ:²³

الصِّيَامُ وَالْقُرْآنُ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَقُولُ الصِّيَامُ أَيْ رَبِّ مَنَعْتُهُ الطَّعَامَ وَالشَّهَوَاتِ بِالنَّهَارِ فَشَفَعْنِي فِيهِ وَيَقُولُ الْقُرْآنُ مَنَعْتُهُ النَّوْمَ بِاللَّيْلِ فَشَفَعْنِي فِيهِ قَالَ فَيُشَفَّعَانِ

“Puasa dan al-Quran akan memberi syafaat bagi seorang hamba pada Hari Kiamat. Puasa akan berkata: Wahai Tuhanku! Aku telah menghalangnya daripada makanan dan keinginan nafsu pada waktu siang. Izinkanlah aku untuk menjadi syafaat bagi dirinya. Al-Quran juga berkata: Aku telah menghalang dirinya tidur di malam hari maka izinkanlah untuk aku menjadi syafaat buat dirinya. Lalu Rasulullah pun menyebut, akhirnya puasa dan al-Quran pun diberi hak untuk memberi syafaat.”

²³Musnad Ahmad, hadis (6736).

Marilah sama-sama kita tanamkan azam untuk memperbanyakkan bacaan al-Quran pada bulan puasa tahun ini. Semoga al-Quran ini menjadi saksi dan syafaat buat kita di Hari Akhirat kelak. Jadikan bulan puasa ini sebagai titik permulaan untuk kita sentiasa berdamping dengan al-Quran pada bulan-bulan yang seterusnya.

BAB 7

BADAR MENJADI SAKSI

Ramai antara kita mengeluh letih apabila tibanya Ramadan. Kita seringkali menjadikan puasa sebagai alasan untuk tidak bekerja keras dan bersenang-lenang. Kita merasakan bahawa bulan puasa ialah bulan untuk rehat bukannya bekerja.

Benarkah begitu? Ya, memang puasa menyebabkan badan kita letih. Tidak dinafikan menahan lapar dan dahaga membuatkan jasad tidak bermaya. Tetapi ia tidak boleh dijadikan alasan untuk kita bermalas-malas di bulan ini. Ini kerana jika kita melihat sorotan sejarah umat Islam terdapat banyak peristiwa penting berlaku di dalam bulan ini. Antaranya peperangan Badar yang menjadi titik permulaan peperangan bersenjata antara umat Islam dan musyrikin.

Rela Berkorban

Sebelum baginda Rasulullah ﷺ berhijrah ke Madinah, golongan Aus dan Khazraj yang merupakan penduduk Madinah telah menyatakan janji setia untuk mempertahankan baginda Rasulullah di Madinah. Janji setia tersebut termasuk di dalam salah satu isi perjanjian Aqabah yang kedua. Namun sekiranya Rasulullah ﷺ berada di luar Madinah maka ianya tidak termasuk dalam perjanjian tersebut. Mereka hanya bersumpah untuk mempertahankan baginda apabila baginda berada di Madinah.

Pada tahun kedua hijrah, Abu Sufian bersama rombongannya berangkat pulang dari Syam setelah selesai berniaga di sana. Kota Madinah berada di tengah-tengah perjalanan antara Syam dan Mekah. Pada hari ketiga Ramadan, Rasulullah keluar bersama 313 orang para sahabat untuk menyekat barang dagangan kafilah Abu Sufian. Ini kerana Abu Sufian akan menggunakan harta tersebut bagi memerangi umat Islam di Madinah.

Apabila Abu Sufian mengetahui Rasulullah ﷺ telah keluar ke Madinah untuk mengejar kafilahnya. Beliau terus menghantar seorang penunggang kuda membawa berita tersebut kepada Quraisy bagi tujuan menyelamatkannya. Pihak Quraisy di Mekah pun bersiap sedia dengan bala tentera yang ramai untuk berperang dengan umat Islam. Pada ketika itu, baginda Rasulullah tidak tahu bahawa musyrikin sedang membuat persiapan untuk berperang kerana Rasulullah dan para sahabat keluar bukan untuk berperang tetapi hanya untuk menyekat kafilah Abu Sufian.

Apabila Rasulullah dan para sahabat sampai di sebuah tempat bernama Rauha', barulah baginda mendapat tahu bahawa pihak musyrikin Mekah sedang dalam perjalanan untuk mempertahankan kafilah mereka. Mengikut anggaran, musyrikin akan sampai ke Badar pada keesokan harinya atau lusa. Oleh itu, Rasulullah ﷺ pun mengumpulkan para sahabat yang bersama dengannya bagi tujuan meminta pandangan mereka.

Miqdad bin Aswad, seorang sahabat daripada golongan Muhajirin berdiri menyatakan pandangan. Beliau berkata dengan semangat yang berkobar-kobar.²⁴

يَا رَسُولَ اللَّهِ امْضِ لِمَا أَمَرَكَ اللَّهُ فَوَاللَّهِ لَا نَقُولُ كَمَا قَالَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ لِمُوسَى (فَاذْهَبْ أَنْتَ وَرَبُّكَ فَقَاتِلَا إِنَّا هَاهُنَا قَاعِدُونَ) وَلَكِنْ اذْهَبْ أَنْتَ وَرَبُّكَ فَقَاتِلَا إِنَّا مَعَكُمْ مُقَاتِلُونَ وَاللَّهِ لَوْ سِرْتَنَا إِلَى بَرَكِ الْعِمَادِ لَجَالَدْنَا مَعَكَ مِنْ دُونِهِ حَتَّى تَبْلُغَهُ.

“Wahai Rasulullah, lakukanlah apa yang Allah taala perintahkan. Demi Allah, kami tidak akan berkata sepertimana Bani Israil berkata kepada Musa iaitu: (Pergilah kamu dengan Tuhanmu berperang, kami duduk disini sahaja). Tetapi kami akan berkata: Pergilah kamu bersama Tuhanmu untuk berperang, kami akan turut sama berperang. Demi Allah kalaulah kamu membawa kami ke Barkil Ghimad sekalipun, kami tetap akan sabar bersama kamu mengharunginya sehingga kamu sampai kepadanya.”

²⁴ Nurul Yakin fi Sirah Sayyidil Mursalin, Muhammad Khuori Bik, halaman 85.

Rasulullah pun mendoakan kebaikan buat Miqdad. Namun Rasulullah tetap bertanya lagi:

أَشِيرُوا عَلَيَّ أَيُّهَا النَّاسُ.

“Berikanku pandangan wahai sekalian manusia.”

Kenapa Rasulullah meminta pandangan lagi? Tidak cukupkah dengan pandangan Miqdad untuk bersama berperang hingga ke mati? Sebenarnya Rasulullah mahukan pandangan daripada golongan Ansar sama ada daripada kabilah Aus atau Khazraj. Ini kerana di dalam perjanjian Aqabah, mereka membuat perjanjian untuk mempertahankan nyawa baginda hanya di Madinah bukan di luar Madinah. Jadi Rasulullah ﷺ sangat mengharapkan salah seorang daripada mereka memberi pandangan.

Akhirnya Saad bin Muaz yang merupakan ketua bagi golongan Aus bersuara:

كَأَنَّكَ تُرِيدُنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟

“Seolah-olah kamu menginginkan jawapan daripada kami wahai Rasulullah?”

Rasulullah membalas:

أَجَلْ

“Ya”

Lantas Saad bin Muaz berkata:

قَدْ آمَنَّا بِكَ وَصَدَّقْنَاكَ وَأَعْطَيْنَا عَلَى ذَلِكَ عُهُودَنَا فَاْمُضْ لِمَا أَمَرَكَ اللَّهُ فَوَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَوْ اسْتَعْرَضْتَ بِنَا هَذَا الْبَحْرَ فَخُضْتَهُ لَنُحُوضِنَهُ مَعَكَ وَمَا نَكْرَهُ أَنْ تَكُونَ تَلْقَى الْعَدُوَّ بِنَا غَدًا إِنَّا لَصَبِيرٌ عِنْدَ الْحَرْبِ صُدُقٌ عِنْدَ الْإِقَاءِ وَلَعَلَّ اللَّهَ يُرِيكَ مِنَّا مَا تُؤْرَبُ بِهِ عَيْنُكَ فَسِرْ عَلَيَّ بِرَكَّةِ اللَّهِ.

“Kami telah beriman denganmu dan membenarkanmu. Kami telah memberikan kepadamu janji kami. Jadi lakukanlah apa yang Allah taala arahkan. Demi yang mengutusmu dengan kebenaran, seandainya kamu hamparkan kepada kami laut ini lalu kamu merentasinya kami juga akan

merentasinya bersama kamu. Kami tidak sedikit pun gentar pertempuranmu dengan musuh pada keesokan hari. Pasti kamu akan melihat kami orang yang sabar ketika berperang, jujur tidak lari apabila bertempur. Moga-moga Allah menunjukkan kepadamu apa yang menyejukkan matamu. Teruskanlah perjalanan kamu di atas keberkatan Allah.”

Rasulullah ﷺ merasa sangat gembira dengan kata-kata Saad bin Muaz lalu membuat keputusan untuk berperang dengan musyrikin Mekah. Akhirnya bertembung antara tentera muslimin dengan tentera musyrikin. Bilangan tentera muslimin yang berjumlah 313 orang berhadapan dengan 1000 tentera musyrikin. Nabi pun berdoa bersungguh-sungguh dengan penuh khusyuk sehingga Abu Bakar merasa kasihan lalu berkata:

حَسْبُكَ فَإِنَّ اللَّهَ سَيُنْجِزُ لَكَ وَعْدَهُ

“Cukup wahai Rasulullah, Allah pasti melaksanakan janji-Nya kepadamu.”

Lalu Rasulullah pun memberi pesanan kepada pihak muslimin:²⁵

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَا يُقَاتِلُهُمُ الْيَوْمَ رَجُلٌ فَيُقْتَلَ صَابِرًا مُحْتَسِبًا مُقْبِلًا غَيْرَ مُدْبِرٍ إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ الْجَنَّةَ
وَمَنْ قَتَلَ قَتِيلًا فَلَهُ سَلْبُهُ

“Demi Tuhan yang diri Muhammad berada di dalam kekuasaan-Nya, sesiapa yang melawan mereka pada hari ini lalu dibunuh dalam keadaan sabar dan mengharapkan keredaan Allah, dalam keadaan mara dan tidak berundur (untuk melarikan diri), nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga. Sesiapa yang membunuh musuh maka kelengkapan perang musuh tersebut akan menjadi miliknya.”

Kemudian peperangan pun bermula. Peperangan begitu sengit lalu Allah taala pun turunkan bala tentera berupa malaikat sebanyak 5000 malaikat bagi membantu pihak muslimin. Akhirnya, peperangan dimenangi

²⁵ Nurul Yakin fi Sirah Sayyidil Mursalin, Muhammad Khudori Bik, halaman 89.

oleh umat Islam. Tujuh puluh orang dalam kalangan musyrikin terkorban. Tujuh puluh yang lain pula dijadikan tawanan. Musyrikin yang lain melarikan diri.

Peristiwa ini berlaku pada 17 Ramadan tahun kedua hijrah. Lihatlah bulan Ramadan bukan waktu untuk kita bermalas-malas. Badar menjadi saksi kesungguhan umat Islam terdahulu menegakkan agama pada bulan yang mulia ini.

Battle of Guadalete

Bukan Badar sahaja peperangan yang berlaku di bulan Ramadan bahkan banyak lagi peperangan penting yang berlaku di dalam bulan ini. Antaranya peperangan yang dikenali sebagai '*Battle of Guadalete*'. Pertempuran ini berlaku di antara tentera muslimin yang diketuai oleh Toriq bin Ziyad dengan tentera kristian Visigoth yang dipimpin oleh Raja Roderic.

Tahukah anda ini merupakan peperangan pertama umat Islam di bumi Andalus? Peperangan ini berakhir dengan kemenangan umat Islam. Selepas peperangan ini, umat Islam maju membuka satu persatu kota di Andalus. Akhirnya, empayar Visigoth runtuh dan Andalus jatuh ke tangan umat Islam. Umat Islam dapat bertahan selama 800 tahun lamanya di sana.

Segalanya bermula daripada kemenangan umat Islam di dalam '*Battle of Guadalete*'. Sedarkah kita peperangan ini juga berlaku pada bulan Ramadan iaitu pada tanggal 28 Ramadan pada tahun 92 Hijrah.

Jihad Zaman Moden

Mungkin pada hari ini kita tidak boleh keluar berjihad seperti mereka yang terdahulu. Jadi, apakah yang perlu kita lakukan di bulan Ramadan? Sebenarnya kita juga boleh dianggap berjihad seandainya kita berusaha untuk melawan keinginan hawa nafsu.

Terdapat dua jihad yang kita boleh lakukan pada bulan Ramadan. Pertama, berjihad menahan lapar dahaga di siang hari. Kedua, berjihad untuk mendirikan solat di malam hari. Sesiapa yang berpuasa di siang hari kemudian diiringi pula dengan qiam di malam hari, dia boleh dianggap sebagai orang yang berjihad. Ini kerana sekiranya dia tidak melawan tuntutan nafsu makan minumannya dan keinginan untuk tidur pasti dia tidak akan mampu untuk berpuasa dan mendirikan solat malam. Inilah jihad kita!

BAB 8

MALAM TERAKHIR MEMBURU LAILATUL QADAR

Baginda Rasulullah ﷺ akan memperbanyakkan ibadah apabila memasuki 10 malam terakhir. Saidatina Aisyah berkata:²⁶

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ شَدَّ مِنْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيَّظَ أَهْلَهُ

“Nabi Muhammad ﷺ sewaktu memasuki 10 malam terakhir akan mengikat kainnya, menghidupkan malamnya dan mengejutkan ahli keluarganya.”

Maksud baginda mengikat kainnya di dalam hadis di atas ialah tidak menggauli isterinya kerana memberikan sepenuh perhatian kepada ibadah. Kita sebagai muslim perlu menjadikan baginda Rasulullah sebagai contoh tauladan. Ramai di antara kita hanya semangat beribadah pada awal Ramadan. Namun apabila Ramadan menghampiri penghujung mereka mula merasa malas dan lesu tidak seperti awal Ramadan dahulu.

Sepatutnya semakin Ramadan hampir ke penghujung kita akan semakin kuat beribadah. Kita perlu memastikan malam-malam terakhir Ramadan diisi dengan ibadah. Selain itu, kita juga dianjurkan untuk mengejutkan ahli keluarga agar turut dapat sama-sama menghidupkan malam dengan ibadah seperti baginda Rasulullah ﷺ.

Sufyan at-Tsauri berkata:²⁷

أَحَبُّ إِلَيَّ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ الْأَوَّخِرُ أَنْ يَتَهَجَّدَ بِاللَّيْلِ وَيَجْتَهِدَ فِيهِ وَيُنْهَضَ أَهْلُهُ وَوَلَدَهُ إِلَى الصَّلَاةِ إِنْ أَطَافُوا ذَلِكَ

“Perkara yang aku paling sukai apabila tiba 10 malam terakhir bulan Ramadan ialah bertahajud pada malam hari dengan bersungguh-sungguh

²⁶ Sahih Bukhari, nombor hadis (2063).

²⁷ *Latoiful Maa’rif*, Ibnu Rajab al-Hanbali, halaman 341.

dan mengejut isteri dan anak-anak untuk solat seandainya mereka mampu.”

Disebut di dalam kitab *Latoiful Maa’rif* bahawa baginda mengejutkan anak baginda Saidatina Fatimah dan menantunya Saidina Ali pada waktu malam bagi mengerjakan solat malam. Baginda mengetuk pintu rumah mereka seraya berkata:

أَلَا تَقُومَانِ فَنُصَلِّيَانِ

“Kenapa tidak kamu berdua bangun dan mengerjakan solat?!”

Hal ini kerana ahli keluarga kita juga perlu dididik dengan amalan ibadah. Keluarga yang terdidik dengan amalan ketaatan akan dijaga oleh Allah taala. Seterusnya, keluarga kita akan hidup bahagia dan harmoni kerana mereka akan meletakkan syariat Allah sebagai neraca yang menentukan baik dan buruk. Hanya cara hidup Islam yang boleh menjamin kebahagiaan sesebuah institusi keluarga.

Pasti ada yang tertanya-tanya apakah keistimewaan yang terdapat pada malam-malam terakhir bulan Ramadan? Jawapannya tidak lain dan tidak bukan ialah malam Lailatul Qadar.

Hikmah Tidak Ditentukan Malam Lailatul Qadar

Apakah perasaan kita sekiranya seseorang memberitahu kepada kita bahawa dia mahu memberikan kepada kita hadiah tetapi dia tidak pula menyebut bilakah dia mahu menyerahkannya. Pasti berkobar-kobar perasaan kita menunggu hadiah tersebut. Fikiran kita akan sentiasa berfikir bilakah dia mahu memberikan hadiah tersebut.

Begitu juga malam Lailatul Qadar. Allah taala tidak menyebut bilakah terjadinya malam Lailatul Qadar. Tetapi kita semua tahu bahwa ia berlaku pada bulan Ramadan. Ini akan membuatkan kita semangat beribadah sepanjang Ramadan menanti-nanti tibanya Lailatul Qadar.

Walaupun sebahagian ulama mengatakan malam Lailatul Qadar boleh berlaku pada sepanjang malam bulan Ramadan namun pandangan yang kuat mengatakan ianya terjadi pada salah satu malam di dalam 10 malam terakhir.

Malam Seribu Bulan

Di dalam al-Quran, terdapat satu surah yang khusus berbicara tentang malam Lailatul Qadar. Surah ini dinamakan sebagai Surah al-Qadr. Ini menunjukkan betapa bernilainya malam tersebut disisi Allah taala. Di dalam surah tersebut, disebut secara jelas bahawa malam Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Firman Allah taala:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ (١) وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ (٢) لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ (٣)

*“Sesungguhnya kami turunkan al-Quran pada malam Lailatul Qadar (1)
Tahukah kamu apakah malam Lailatul Qadar? (2) Lailatul Qadar ialah
malam yang lebih baik daripada seribu bulan (3).”*

(Surah al-Qadr :1-3)

Apakah maksud malam Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan? Maksudnya menurut ahli tafsir ialah amalan soleh pada malam Lailatul Qadar melebihi amalan ibadah 1000 bulan yang tidak ada padanya Lailatul Qadar.

Allah taala juga menjanjikan keampunan dosa bagi mereka yang menghidupkan malam tersebut dengan ibadah. Baginda bersabda:²⁸

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

“Sesiapa yang mendirikan malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan pengharapan (ganjaran daripada Allah) maka akan diampunkan dosanya yang terdahulu. Begitu juga sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan akan diampunkan dosanya yang terdahulu.”

Adab-Adab 10 Malam Terakhir

Terdapat banyak perkara yang dianjurkan untuk dilakukan pada 10 malam terakhir. Disini saya menyebut tiga adab yang jarang diambil berat oleh sebahagian masyarakat kita:

1. Mandi Membersihkan Diri

Kita dianjurkan untuk mandi di antara Maghrib dan Isyak pada bulan Ramadan lebih-lebih lagi di 10 malam terakhir. Ini bagi memastikan badan kita segar dan tidak lesu untuk beribadah. Selain itu, kita juga digalakkan untuk memakai wangi-wangian.

2. Berbuka dengan Juadah Ringan

Kita disunatkan untuk berbuka seawal mungkin apabila masuk waktu Maghrib. Tetapi tidak semestinya kita perlu berbuka dengan juadah makanan yang berat. Sebaiknya kita memakan makanan ringan terlebih dahulu kemudian terus menunaikan solat Maghrib. Kemudian terpulang kepada kita untuk menjamu selera dengan makanan berat selepas daripada itu atau tidak. Namun pada malam-malam yang terakhir kita dianjurkan untuk melewati makanan

²⁸ Sahih Bukhari, nombor hadis (1935).

berat hingga ke waktu sahur. Ini kerana kebiasaannya badan kita akan merasa berat dan malas untuk beribadah apabila kekenyangan.

3. Iktikaf

Iktikaf di masjid dapat membantu kita menumpukan perhatian dalam beribadah. Kita tidak lagi disibukkan dengan perkara yang lain. Suasana rumah Allah pasti membuatkan kita khusyuk sewaktu beribadah. Baginda Rasulullah ﷺ sentiasa melazimi amalan beriktikaf pada 10 malam terakhir. Sayyidatina Aisyah menyebut:²⁹

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ

“Sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ beriktikaf pada 10 malam terakhir Ramadan sehingga baginda diwafatkan oleh Allah.”

Tiga perkara ini sering diabaikan oleh sebahagian daripada kita. Walhal ia merupakan perkara yang penting untuk dilakukan. Sama-sama kita mengejar malam Lailatul Qadar tahun ini. Moga-moga Allah kurniakan kepada kita kemanisan beribadah pada malam tersebut. Amin.

²⁹ Sahih Bukhari, nombor hadis (2065).

BAB 9

SETELAH RAMADAN BERLALU PERGI

Masa tidak menunggu kita. Siang dan malam silih berganti tanpa kita sedari. Pejam celik bulan Ramadan akan berlalu meninggalkan kita. Kita beruntung seandainya benar-benar dapat memanfaatkan bulan Ramadan. Tetapi sekiranya kita gagal menggunakan waktu ini sebaik mungkin, kita akan termasuk dalam kalangan orang yang rugi.

Kita perlu sedar bahawa hari yang sudah berlalu tidak akan terulang kembali. Imam Hasan al-Basri berkata:³⁰

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا وَيُنَادِي مُنَادٍ : يَا ابْنَ آدَمَ إِنِّي يَوْمَ جَدِيدٍ وَعَلَى عَمَلِكَ شَهِيدٌ فَاغْتَنِمْ مِنِّي
فَإِنِّي لَا أَعُودُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

“Setiap pagi akan ada yang menyeru: Wahai anak Adam! Aku ialah hari yang baharu dan aku menjadi saksi kepada amalanmu. Manfaatkanlah diriku kerana aku tidak lagi akan kembali hingga ke Hari Kiamat.”

Jika kita masih bertangguh dalam mengerjakan kebaikan pasti kita akan menyesal di akhirat kelak. Kita perlu menyelesaikan apa-apa pekerjaan dengan segera bukannya ditangguh ke hari yang lain. Orang beriman tidak menangguhkan amal kebajikannya kerana mereka yakin bahawa ajal maut boleh tiba pada bila-bila waktu yang dikehendaki oleh Allah. Mereka akan bersegera dalam membuat amal kebaikan kerana mereka sedar nyawa mereka boleh ditarik pada bila-bila masa.

Ibnu Mas’ud berkata:³¹

مَا نَدِمْتُ عَلَى شَيْءٍ نَدَمِي عَلَى يَوْمٍ نَقَصَ فِيهِ عُمْرِي وَلَمْ يَزِدْ فِيهِ عَمَلِي

³⁰ Maza Ba'da Ramadan, Wajdi Ghanim, halaman 7.

³¹ *ibid*, halaman 8.

“Aku tidak pernah menyesal ke atas sesuatu sepertimana penyesalanku ke atas hari yang berkurang padanya umurku sedangkan tidak bertambah padanya amalanku.”

Sebulan Pengkaderan

Sebulan kita dilatih berbuat kebaikan. Kita menjaga diri kita daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa. Kita sanggup berlapar dari terbit fajar hingga tenggelam matahari semata-mata untuk menunaikan kewajipan kita sebagai seorang muslim. Bukan itu sahaja, kita juga mengawal anggota tubuh badan kita daripada terlibat dengan perbuatan maksiat kerana menghormati bulan Ramadan.

Lidah kita dikunci rapat daripada mengumpat. Mata kita pula ditundukkan daripada melihat perkara yang haram. Kedua kaki dielakkan daripada pergi ke tempat maksiat. Kedua tangan pula dijaga daripada melakukan maksiat. Kesemuanya kita lakukan kerana Allah.

Adakah setelah berlalunya Ramadan, kita telah bebas untuk kembali berbuat dosa? Apakah kesan latihan sebulan di bulan Ramadan? Sekiranya kita kembali menuai dosa selepas berlalunya Ramadan, maka itu tandanya kita gagal dalam menjalani latihan sebulan di bulan Ramadan. Mungkin sahaja ada amalan kita yang kurang sempurna sehingga menyebabkan kita masih berasa manis ketika berbuat dosa.

Cuba kita lihat mereka yang sanggup menjalani latihan untuk suatu tempoh semata-mata ingin menjadi seorang yang mahir dalam pekerjaan tertentu. Contohnya, mereka yang cuba belajar memandu. Mereka sanggup menghabiskan wang ringgit dan masa untuk memastikan mereka berjaya mendapatkan lesen memandu.

Namun adakah setelah mereka mendapat lesen memandu, mereka akan berhenti memandu? Tidak! Mereka akan terus memandu kerana itulah tujuan mereka menjalani latihan tersebut. Bagaimana pula dengan

puasa Ramadan? Bukankah sepatutnya apabila kita telah menjalani latihan ibadah selama sebulan di bulan Ramadan, kita akan terus memperbanyakkan ibadah setelah berlalunya Ramadan? Bukankah ketakwaan yang kita kejar tetapi mengapa apabila berakhirnya Ramadan kita tidak lagi berusaha mengekalkan momentum ibadah tersebut.

Allah taala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
﴿البقرة: ١٨٣﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Difardukan ke atas kamu puasa sepertimana difardukan ke atas mereka yang sebelum kamu. Moga-moga kamu menjadi orang yang bertakwa.”

(Surah al-Baqarah: 187)

Terang lagi bersuluh Allah nyatakan tujuan kefarduan puasa itu untuk menjadikan seseorang itu bertakwa. Namun mengapa sebahagian kita tidak meneruskan lagi amalan ketakwaan setelah sebulan pengkaderan di bulan Ramadan. Moga-moga Ramadan tahun ini dapat membuahkan buah ketakwaan yang sebenarnya.

Tuhan Ramadan Tetap Sama

Tuhan yang kita sembah pada bulan Ramadan ialah Tuhan yang sama kita sembah pada bulan yang lain. Kita bukan beribadah kepada bulan Ramadan tetapi kita beribadah kepada tuan empunya bulan tersebut. Benar, pahala amalan di bulan Ramadan tidak sama dengan bulan yang lain.

Bulan Ramadan ialah waktu amalan ibadah digandakan ganjarannya. Rugilah seandainya kita tidak memanfaatkan waktu tersebut. Namun ianya tidak boleh menjadi alasan untuk kita berhenti daripada memperbanyakkan ibadah pada bulan yang lain.

Analoginya boleh diumpamakan seperti pasar raya yang membuat jualan penghabisan stok. Peniaga akan menurunkan harga barangan bagi melariskan jualannya. Rugilah kita sebagai pembeli tidak merebut peluang untuk berbelanja pada ketika itu. Tetapi pada waktu yang lain juga kita tetap membeli barang keperluan kita.

Pada bulan Ramadan kita dapat membaca al-Quran sehingga khatam. Kenapa pada bulan lain kita biarkan al-Quran kita berhabuk tidak disentuh? Di bulan Ramadan juga kita dapat menghadiri solat berjemaah di masjid. Kenapa di bulan yang lain masjid sudah tidak lagi dikunjungi? Adakah Tuhan yang disembah pada bulan Ramadan bukan Tuhan yang sama disembah pada bulan yang lain? Sudah tentu tidak!

Kita sanggup meredah suasana pagi yang gelap-gelita semata-mata mahu menunaikan solat subuh secara berjemaah pada bulan Ramadan. Namun apabila berlalunya bulan Ramadan, pelbagai alasan kita gunakan untuk tidak hadir berjemaah di masjid sedangkan nabi telah bersabda:³²

بَشِيرَ الْمَشَائِينِ فِي الظُّلْمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Berilah khabar gembira kepada mereka yang berjalan dalam kegelapan menuju ke masjid bahawa mereka akan diberikan cahaya yang sempurna pada Hari Kiamat.”

Seandainya pada bulan Ramadan kita selalu menghadiri solat terawih di masjid pada waktu malam. Kenapa tidak kita hadir solat Isyak berjemaah di bulan-bulan yang lain? Baginda nabi Muhammad ﷺ menyebut orang yang menunaikan solat Isyak dan solat Subuh secara berjemaah seolah-olah mendirikan keseluruhan malam. Sabda baginda:³³

مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا قَامَ نِصْفَ اللَّيْلِ وَمَنْ صَلَّى الصُّبْحَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا صَلَّى اللَّيْلَ كُلَّهُ

³² Sunan Ibnu Majah, nombor hadis (830).

³³ Sahih Muslim, nombor hadis (1523).

“Sesiapa yang solat Isya secara berjemaah, dia seolah-olah mendirikan separuh malam dan sesiapa yang solat Subuh secara berjemaah, dia seolah-olah solat keseluruhan malam.”

Segala-galanya perlukan keazaman dan usaha. Jadikan Ramadan sebagai titik permulaan untuk kita mengubah rutin harian kita pada bulan yang lain. Perjuangan kita masih jauh. Sekiranya kita tidak mampu mengorbankan keenakan tidur untuk pergi menunaikan solat subuh di masjid, pasti kita tidak akan mampu untuk mengorbankan diri kita bagi mempertahankan agama Islam.

Istiqamah dalam Ketaatan

Mereka yang dapat menunaikan puasa dengan sempurna di bulan Ramadan seolah-olah orang yang baru selesai menunaikan haji. Amalan haji yang diterima Allah menjadikan seseorang itu seumpama orang yang baru lahir suci daripada dosa. Sabda Nabi Muhammad ﷺ:³⁴

مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ وُلِدَتْهُ أُمُّهُ

“Sesiapa yang sudah menunaikan haji dan tidak pula bercakap keji atau membuat perbuatan fasik maka dia kembali (daripada hajinya) seperti keadaan dirinya sewaktu ibu melahirkannya.”

Begitu juga keadaan orang yang menunaikan kefarduan puasanya dengan sempurna. Bukan sahaja menjaga dirinya daripada perkara yang membatalkan puasa bahkan menjaga dirinya daripada perkara yang menggugurkan pahala puasa. Orang sebegini akan diampunkan dosanya yang terdahulu oleh Allah. Rasulullah bersabda:³⁵

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

³⁴ Musnad Ahmad, nombor hadis (7257).

³⁵ Sahih Bukhari, nombor hadis (37).

“Sesiapa yang mendirikan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan (pahala daripada Allah) akan diampun dosanya yang terdahulu.”

Kita perlu bersyukur kepada Allah taala sekiranya kita dapat menunaikan puasa dengan sempurna. Cara kita bersyukur ialah kita menggunakan nikmat yang Allah berikan pada jalan ketaatan. Jangan pula kita kembali bergelumang dengan maksiat selepas berlalunya Ramadan. Kita perlu sentiasa istiqamah dengan ketaatan.

BAB 10

MENANTI TAHUN HADAPAN

Orang yang benar-benar bertakwa kepada Allah sentiasa merasakan diri mereka dalam keadaan berpuasa. Ini kerana mereka sentiasa menahan diri mereka daripada terjerumus di dalam maksiat. Mereka dibaratkan seperti orang yang berpuasa daripada kelazatan dunia. Terdapat satu kata-kata yang begitu menusuk kalbu daripada salaf berbunyi:³⁶

صُمِّ الدُّنْيَا وَاجْعَلْ فِطْرَكَ الْمَوْتَ، الدُّنْيَا كُلُّهَا شَهْرُ صِيَامِ الْمُتَّقِينَ يَصُومُونَ فِيهِ عَنِ الشَّهَوَاتِ
الْمُحْرَمَاتِ فَإِذَا جَاءَهُمُ الْمَوْتُ فَقَدْ انْقَضَى شَهْرُ صِيَامِهِمْ وَاسْتَهَلُّوا عِيدَ فِطْرِهِمْ

“Puasalah kamu daripada dunia dan jadikanlah waktu kematianmu sebagai waktu untuk berbuka. Dunia ini keseluruhannya bulan puasa bagi orang yang bertakwa. Mereka berpuasa menahan diri di dunia daripada keinginan syahwat yang haram. Apabila ajal maut menjemput mereka maka telah berlalu tempoh mereka berpuasa dan mereka akan menyambut hari perayaan.”

Cuba kita perhatikan bagaimana puasa itu diolah dari perspektif sebahagian salaf. Mereka mengibaratkan puasa itu menahan diri daripada melakukan kehendak nafsu yang diharamkan Allah bukannya sekadar menahan diri daripada makan dan minum. Oleh kerana itu, mereka menganggap tempoh hidup di dunia ini keseluruhannya untuk berpuasa. Puasa daripada melakukan maksiat. Kematian pula merupakan waktu untuk berbuka kerana hanya kematian yang mengharuskan perkara yang diharamkan di dunia ini. Di sana tidak ada lagi taklifan halal dan haram.

Terdapat satu syair yang berbunyi:³⁷

وَقَدْ صُمْتُ عَنْ لَدَاتِ دَهْرِي كُلِّهَا وَيَوْمَ لِقَائِكُمْ ذَاكَ فِطْرُ صِيَامِي

³⁶ *Latoiful Maarif*, Ibnu Rejab al-Hanbali, halaman 278.

³⁷ *Tabsirah*, Ibnu Jauzi, halaman 401.

Aku telah menahan diri daripada kelazatan sepanjang waktuku

Pada hari aku bertemu-Mu itulah waktunya aku berbuka

Pintu Syurga Dibuka

Orang beriman akan ternanti-nanti terbukanya pintu syurga di bulan Ramadan. Rasulullah ﷺ telah menjanjikan di bulan ini akan dibuka seluas-luasnya pintu syurga dan ditutup serapat-rapatnya pintu neraka. Syaitan juga akan dibelenggu. Sabda baginda Rasulullah ﷺ.³⁸

قَدْ جَاءَكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ تَفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَيُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ
الْجَحِيمِ وَتُعَلَّقُ فِيهِ الشَّيَاطِينُ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ مَنْ حُرِمَ حَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ

“Sesungguhnya telah datang kepadamu bulan Ramadan, bulan yang diberkati. Allah taala telah fardukan ke atas kamu untuk berpuasa padanya. Pintu-pintu syurga dibuka, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan. Di dalamnya ada satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Sesiapa yang terhalang daripada kebaikan pada bulan ini maka dia telah terhalang daripada segala jenis kebaikan.”

Bagaimana mungkin seorang mukmin tidak bergembira dengan terbukanya pintu syurga dan tertutup rapatnya pintu neraka. Sedangkan ia menjadi simbol luasnya rahmat Allah di bulan ini. Inilah yang menjadikan seorang mukmin merasa rindu Ramadan bertamu kembali.

Alangkah Indahnnya Ramadan Sepanjang Tahun

Di dalam kitab *Latoiful Maarif*, Ibnu Rajab al-Hanbali mendatangkan satu hadis daripada baginda Rasulullah yang berbunyi:³⁹

³⁸ Musnad Ahmad, nombor hadis (7269).

³⁹ *Latoiful Maarif*, Ibnu Rajab al-Hanbali, halaman 279.

لَوْ يَعْلَمُ الْعِبَادُ مَا فِي رَمَضَانَ لَتَمَنَّتْ أُمَّتِي أَنْ يَكُونَ رَمَضَانُ السَّنَةَ كُلَّهَا

“Sekiranya sekalian hamba Allah mengetahui apa yang terdapat di dalam bulan Ramadan pasti umat-Ku akan mengharapkan Ramadan sepanjang tahun.”

Inilah hakikat kecintaan orang mukmin. Kita yakin bahawa tidak mungkin bulan Ramadan berlaku sepanjang tahun. Namun kita mestilah sentiasa berharap dan berdoa agar sempat dengan Ramadan pada tahun mendatang.

Mua’lla bin al-Fadhli berkata:⁴⁰

كَانُوا يَدْعُونَ اللَّهَ تَعَالَى سِتَّةَ أَشْهُرٍ أَنْ يُبَلِّغَهُمْ رَمَضَانَ ثُمَّ يَدْعُونَهُ سِتَّةَ أَشْهُرٍ أَنْ يَقْبَلَ مِنْهُمْ

“Orang terdahulu berdoa kepada Allah selama enam bulan agar Allah taala menyampaikan mereka di bulan Ramadan kemudian mereka berdoa pula selama enam bulan agar Allah taala terima amalan mereka.

Akhir kata, sama-sama kita pertingkatkan amalan ibadah pada tahun ini dan berdoa kepada Allah untk pertemuan kita dengan bulan Ramadan pada tahun hadapan. Moga-moga Ramadan kita pada tahun ini dan tahun-tahun yang seterusnya menjadi Ramadan yang bermakna buat kita. Sekian. Assalamualaikum.

⁴⁰ ibid halaman 280.

BIBLIOGRAFI

Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari, Sahih Bukhari, Jerman, Thesaurus Islamic Foundation.

Imam Muslim bin Hajjaj, Sahih Muslim, Jerman, Thesaurus Islamic Foundation.

Imam Muhammad bin Isa at-Tirmizi, Sunan Tirmizi, Jerman, Thesaurus Islamic Foundation.

Imam Muhammad bin Yazid Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, Jerman, Thesaurus Islamic Foundation.

Imam Ahmad bin Hanbal, Musnad Ahmad, Jerman, Thesaurus Islamic Foundation.

Imam Abdurrahman bin Abu Hasan Ibnu Jauzi, Tabsirah, Beirut, Dar Kutub Ilmiah, cetakan pertama (1986).

Imam Abdurrahman bin Ahmad Ibnu Rajab al-Hanbali, *Latoiful Maarif*, Damsyik, Dar Ibnu Katsir, cetakan kelima (1999).

Imam Muhammad bin Abdullah Khatib at-Tabrizi, *Mishkat al-Masobih*, Karachi, Maktabah Busyra, cetakan pertama (2010).

Dr. Wajdi Ghanim, *Maza Ba'da Ramadan*, Kaheerah, Dar Salam.